

UTUSAN MALAYSIA - 15/06/2016

## Jawi hantar 300 guru ke Unisza

KUALA LUMPUR 14

**Jun** - Dalam usaha meningkatkan ilmu dan kemahiran perguruan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) akan menghantar 300 guru menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (Sekolah Rendah) di Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) pada sesi kemasukan September ini.

Pengarah Jawi, Paimuzi Yahya berkata, beliau berharap peluang itu akan diambil oleh 1,894 guru Jawi yang mengajar di sekolah rendah agama dan Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Kita sememangnya tidak mewajibkan kepada guru-guru tertentu untuk menyambung pengajian. Tetapi kita berharap 300 tempat tersebut dapat diisi kerana ia bakal memberi manfaat besar pada masa hadapan."

"Di samping mereka akan beroleh pelbagai insentif termasuk kos pengajian ditanggung melalui pinjaman ditawarkan oleh Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani



**PAIMUZI YAHYA**

m emorandum persefahaman (MoU) Program Pemantapan Profesionalisme Guru-guru Jawi antara Jawi dan Unisza di Dewan Muktamar, Pusat Islam di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor Unisza, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif dan Pengurus YGMB, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom.

Paimuzi berkata, buat pertama kalinya Jawi menjalankan kerjasama dengan Unisza bagi membolehkan lebih ramai guru berijazah berkhidmat di sekolah-sekolah dan seterusnya meningkatkan lagi mutu pembelajaran dan pendidikan pelajar ketika ini.

"Ilmu dan kemahiran guru perlu ditingkatkan bagi mengejar sistem pengajaran yang lebih efektif dan lebih berkualiti serta lebih sesuai dengan peredaran zaman.

"Di samping guru-guru Jawi akan mempunyai prospek yang amat baik untuk berada pada gred perkhidmatan yang tinggi di masa-masa akan datang kerana kelulusan dan kemahiran amat diperlukan bagi mengisi perjawatan tetap gred DG29 sehingga DG54 di Jawi," katanya.